

54 18/6/2019 m/s 33

# Jual ikan sampai malam

**Dullah  
mudahkan  
orang ramai  
dapatkan  
bekalan ikan  
segar**

MOHD AZLIM ZAINURY

BATU RAKIT

**T**aktik seorang peniaga warga emas menjual pelbagai jenis ikan segar sejak pagi sehingga waktu malam pada harga rendah 'menjadi' apabila berjaya menarik perhatian pelanggan.

Dullah Abdul Rahman, 63, yang merupakan peniaga tunggal di Pantai Batu

Rakit menjual ikan segar bermula jam 9.30 pagi sehingga 7 malam termasuklah pada hari cuti umum.

Menurut Dullah, dia menawarkan pelbagai pilihan ikan segar bukan sahaja hasil tangkapan nelayan pinggir laut tetapi ikan ditangkap nelayan laut dalam dengan mengambil untung yang sedikit sahaja.

Katanya, pelanggan datang seawal gerai dibuka jam 9.30 pagi dan berlarutan sibuk pada waktu petang sehingga gerainya ditutup.

"Kami menjual lebih 20 jenis ikan segar pada harga yang berpatutan dan kebanyakan bekalan ikan segar diperoleh adalah hasil tangkapan nelayan pada sebelah malamnya," katanya.

Dullah berkata, operasi perniagaannya lebih panjang berbanding peniaga



Dullah (kiri) merupakan peniaga tunggal yang menjual ikan segar di Pantai Batu Rakit bermula jam 9.30 pagi sehingga 7 malam.

lain bagi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan ikan.

"Mungkin kalau cari kat tempat lain tak ada ikan

kecuali pasar raya. Ramai yang datang ke sini kerana tidak perlu beratur panjang terutama yang bekerja pada waktu pejabat,"

katanya.

Menurutnya, dia tidak mengambil untung yang banyak sebaliknya hanya berkongsi rezeki diperoleh

dengan nelayan tempatan yang menjual ikan kepadanya.

"Saya jual ikan mengikut harga ikan yang dijual nelayan, ambil untung sekitar RM1 hingga RM2 sahaja bagi setiap kilogram tetapi harga itu lebih rendah daripada harga ikan dijual di sesetengah tempat," katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Hasmah Abdullah, 41, berkata, gerai Dullah menjadi tumpuan kerana menawarkan pelbagai jenis ikan yang jarang dijual di pasar raya tempatan.

"Paling menarik ketika musim ikan banyak. Walaupun ada jenis ikan harganya mahal sedikit tetapi sebagai pembeli, saya tetap mahu mendapatkan ikan segar dengan harga yang boleh ditawar," katanya.